

D876

U B915 AAB

MAHATHIR - PBB

KUALA LUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI KESAL KERANA BEBERAPA ANGGOTA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) TIDAK SANGGUP BERPEGANG KEPADA PIAGAMNYA DAN TIDAK MAHU MENERIMA KEPUTUSAN YANG DIBUATNYA.

PERDANA MENTERI JUGA SEDIH KERANA WUJUD SIKAP TIDAK LANGSUNG BAHAGI-MEMBAHAGI SESAMA NEGARA ANGGOTA SEPERTI ANTARA KAYA DENGAN MISKIN, LEMAH DENGAN KUAT DAN MAJU DENGAN MUNDUR.

SEMASA BERUCAP PADA UPACARA MEMPERINGATI ULANGTAHUN KE-40 PENUBUHAN PBB ANJURAN PERSATUAN BB MALAYSIA (UNMA) DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, BELIAU MAHUKAN GEJALA-GEJALA BURUK SEUMPAMA ITU DIKIKIS DAN SEBALIKNYA SEMUA ANGGOTA PBB BERSATUPADU DEMI KEPENTINGAN UMAT MANUSIA.

+NEGARA-NEGARA ANGGOTA PBB BERTANGGUNGJAWAB BAGI MEMASTIKAN BADAN DUNIA ITU TERUS BERFUNGSI PADA MASA DEPAN, DAN KITA MESTILAH BERUSAHA SUPAYA BADAN DUNIA ITU TIDAK LUMPUH.

+SOKONGAN YANG BERTERUSAN MERUPAKAN UNSUR PENTING BAGI BADAN DUNIA ITU MENCAPAI KEMAJUAN.

+SAYA BERPENDAPAT SEKIRANYA BADAN DUNIA ITU GAGAL DALAM SEGALA USAHANYA BAGI MENJAMIN KEMANAN DAN KEHARMONIAN DI DUNIA, MAKA KITA PATUT MENYALAHKAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG TIDAK SANGGUP BERPEGANG KEPADA PIAGAM PBB DAN TIDAK MAHU MENERIMA KEPUTUSAN YANG DIBUATNYA,+ TEGASNYA. -- LAGI.

MAHATHIR - PBB 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA HASIL PEMBAHAGIAN ATAU PERBEZAAN ITU, NEGARA-NEGARA DI DUNIA TIDAK DAPAT MENGELAKKAN DIRINYA DARIPADA KETEGANGAN DAN PERBALAHAN DI SAMPING GAGAL MENGATASI KEMISKINAN DAN KEBULURAN YANG MASIH BERLELUASA DI BEBERAPA BUAH NEGARA ANGGOTA.

BELIAU MENINGATI ANGGOTA-ANGGOTA PBB AKAN PIAGAM BADAN DUNIA ITU YANG ANTARA LAIN MEMPERUNTUKKAN PRINSIP-PRINSIP YANG MEMASTIKAN KEAMANAN, HAK-HAK ASASI, KEADILAN DAN KEUTUHAN UNDANG-UNDANG SERTA PEMBANGUNAN EKONOMI.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN GEMBIRA KERANA WALAUPUN PERTELINGKAHAN DAN PEPERANGAN TERUS BERLAKU, TETAPI PBB BERJAYA MENGELAKKAN PERPECAHAN ATAU PEPERANGAN YANG BESAR SEPERTI PERANG DUNIA PERTAMA DAN KEDUA.

BELIAU MENGIKRARKAN SOKONGAN MALAYSIA KEPADA SEMUA USAHA PBB YANG MENDATANGKAN MANFAAT BERSAMA DAN MERAKAMKAN PENGHARGAAN NEGARA INI KEPADA BEBERAPA AGENSI BADAN DUNIA ITU YANG TELAH MEMBANTU MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA LAIN DALAM BIDANG SOSIOEKONOMI.

ANTARA BADAN YANG DISEBUTKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH PROGRAM PEMBANGUNAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNDP) YANG TELAH MEMBERI BANTUAN TEKNIKAL KEPADA NEGARA INI BAGI PROJEK-PROJEK PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN.

SELAIN UNDP, BELIAU BERTERIMA KASIH KEPADA UNICEF, WHO DAN UNESCO YANG TELAH MEMBANTU NEGARA DALAM BIDANG KESIHATAN, PELAJARAN, PERUBATAN DAN PENYELIDIKAN. -- LAGI

MAHATHIR - PBB 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGHARGAI BANTUAN UNHCR DALAM MENEMPATKAN ORANG-ORANG PELARIAN VIETNAM KE NEGARA-NEGARA KETIGA DAN KEPADA TABUNG BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI PENGAWALAN PENYALAHGUNAAN DADAH YANG MENGHULURKAN BANTUAN KEWANGAN UNTUK MEMBANTERAS GEJALA BURUK ITU DI NEGARA INI.

BELIAU SETERUSNYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PBB, ENCIK JAVIER PEREZ DE CUELLAR DAN KAKITANGAN BADAN DUNIA ITU KERANA DEDIKASI MEREKA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB YANG BERAT DALAM MEMASTIKAN KEAMANAN DAN KEMAKMURAN DUNIA.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN PERISYTIHARAN TAHUN DEPAN SEBAGAI TAHUN DAMAI ANTARABANGSA OLEH PBB AMAT SESUAI DAN BERHARAP DUNIA AKAN LEBIH DAMAI PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

MENGENAI MALAYSIA SENDIRI MENGHULURKAN BANTUAN TEKNIKAL KEPADA BEBERAPA BUAH NEGARA MEMBANGUN KECIL YANG LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP IA AKAN MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN RAPAT ANTARA NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG TERBABIT. -- BERNAMA

1256MST 24 10 85